

Praktis Pengukuhan 1

Bulatkan kata penguat yang paling sesuai.

- 1 Adik makan dengan gelojoh sekali kerana _____ lapar.
- 2 Muzik yang dimainkan oleh pemuda itu _____ rancak.
- 3 Bayi itu tidur dengan nyenyak _____ di dalam buaian.
- 4 Keputusan Bahasa Melayunya _____ cemerlang sekali.
- 5 Kotak yang diisi dengan buku cerita itu _____ berat.

terlalu	sekali
---------	--------

begitu	benar
--------	-------

agak	sekali
------	--------

sungguh	begitu
---------	--------

betul	sangat
-------	--------

Praktis Pengukuhan 2

Masukkan kata penguat yang betul dalam ayat-ayat di bawah.

- 1 Sungai yang panjang di Malaysia apa?

- 2 Longkang yang tersumbat dan dipenuhi sampah itu menjijikkan.

- 3 Kari ayam yang dimasak oleh kakak masin.

- 4 Pemandangan di tepi pantai itu indah terutama pada waktu senja.

- 5 Peniaga itu memperoleh keuntungan yang lumayan kerana barangan jualannya laris.

- 6 Kelakuan adik sejak akhir-akhir ini baik.

- 7 Nota yang diberikan oleh guru Sejarah ringkas dan padat.

- 8 Pemain bola keranjang itu tinggi.
